

PM ingatkan orang Melayu bahaya perpecahan

BH 30 OCT 2000
BAHARU SERIBEGAWAN, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan orang Melayu mengenai bahayanya perpecahan di kalangan mereka, yang kini pada tahap yang mendukacitakan.

"Ingatlah bahawa orang Melayu tak selamat lagi, masih jauh ketinggalan di belakang dari segi pendidikan, ekonomi dan sebagainya. Kalau Melayu berpecah, kita tidak mencapai kemajuan...satu hari nanti mungkin Melayu sekali lagi akan ditindas oleh rakyat asing, tidak secara penaklukan tapi melalui ekonomi.

"Orang Melayu perlu bersatu padu kerana me-

nya menjadi tonggak kekuatan negara kita Malaysia walaupun saya tidak menafikan peranan kaum bukan Melayu. Jika Melayu berpecah, negara akan hancur dan kita akan dijajah semula," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada jamuan bersama rakyat Malaysia di The Empire Hotel and Country Club, di sini hari ini.

Kira-kira 300 rakyat Malaysia yang tinggal dan bekerja di Brunei menghadiri majlis itu.

Dr Mahathir juga berkata, ekonomi negara kini pulih dan belanjawan yang dibentangkan kelmarin adalah manifestasi masa depan

negara yang lebih baik.

Sebelum itu, ketibaan Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei disambut Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Brunei, Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman Dato Setia Mohd Taib selaku menteri pengiring.

Selepas jamuan tengah hari, Dr Mahathir dan isteri terus menghadap Sultan Hassanah Bolkiah di Istana Nurul Iman. Malam ini, Dr Mahathir mengadakan pertemuan empat mata dengan Sultan Brunei, disusuli santapan malam di tempat yang sama.